



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUPULIH ANGGOTA (M.13-14 EB.15)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- |  |
|--|
| <p><b>1. JURUPULIH ANGGOTA<br/>KEMENTERIAN KESIHATAN<br/>M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN = TUJUH (07)</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Fisioterapi / Prostetik dan Ortotik atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**BIDANG FISIOTERAPI: (06 KEKOSONGAN)**

1. Mengambil peranan dan bertanggungjawab sebagai pegawai klinikal dalam bidang Fisioterapi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal bagi kes-kes yang memerlukan rawatan fisioterapi mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada;
2. Melakukan tugas-tugas *On-Call* Fisioterapi;
3. Membuat preskripsi rawatan yang komprehensif, efektif dan efisien mengikut profesionalisma masing-masing;
4. Mengekalkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan semasa, yang berkaitan dengan fisioterapi dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*);
5. Bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan peralatan rawatan fisioterapi oleh pegawai dan kakitangan fisioterapi di bawah jagaan adalah selamat, betul dan kompeten;
6. Bertanggungjawab di atas penjagaan peralatan dan keadaan tempat-tempat rawatan di tempat bertugas;



7. Mewakili perkhidmatan fisioterapi dalam Pasukan Pelbagai Bidang (*Multi-Disciplinary Team*) dan mengintegrasikan rawatan fisioterapi ke dalam program Pasukan Pelbagai Bidang, termasuk perbincangan dan penglibatan mengenai penjagaan, kemajuan dan perancangan discaj pesakit;
8. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik dan klinikal (*Academic dan Clinical Educator*) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan;
9. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Fisioterapi dan ketua-ketua di mana pegawai ditugaskan;
10. Bertanggungjawab dalam memberikan bimbingan dan sokongan kepada semua pegawai dan kakitangan Fisioterapi di bawah jagaan piawaian dari semasa ke semasa;
11. Bertanggungjawab atas keselamatan dan Amalan Kawalan Jangkitan (*Practice of Infection Control*) terhadap diri sendiri, orang-orang yang terlibat dan persekitaran semasa menjalankan tugas;
12. Melakukan *stock keeping* barang-barang dan perkakas fisioterapi;
13. Mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisma dan sebagainya; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### **BIDANG PROSTETIK DAN ORTOTIK: (01 KEKOSONGAN)**

1. Mengambil peranan sebagai pegawai *Prosthetist / Orthotist* di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang penyakit yang memerlukan rawatan kaedah *Prosthetic / Orthotic* dengan berpandukan *Standards of Practice* yang sedia ada;
2. Membuat rawatan yang komprehensif, efektif dan efisien mengikut skop amalan *Prosthetist / Orthotist* di hospital, pusat atau klinik kesihatan kerajaan di semua daerah bila diperlukan;



3. Melaksanakan peranan yang termasuk menuju ke arah agenda pembaharuan, pemodenan di dalam memberi perkhidmatan yang berasaskan bukti (*Evidence-Based Practice*), proaktif dan siap siaga yang akan menyumbangkan kepada pembaikan kesihatan pesakit dan pengawalan penyakit-penyakit kronik di peringkat negara;
4. Bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan peralatan dan mesin oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Prostetik dan Ortotik mengikut *Standard Operating Procedure* dan adalah selamat serta kompeten dalam penggunaannya;
5. Mewakili perkhidmatan Prostetik dan Ortotik dalam Pasukan Pelbagai Bidang (*Multi-Disciplinary Team*) dan mengintegrasikan rawatan ke dalam program Pasukan Pelbagai Bidang, termasuk perbincangan dan penglibatan mengenai penjagaan, kemajuan dan perancangan discaj pesakit;
6. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan Amalan Kawalan Jangkitan (*Infection Control Practice*) terhadap diri sendiri, rakan sekerja, pesakit dan persekitaran semasa menjalankan tugas;
7. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dan ketua-ketua di mana pegawai ditugaskan;
8. Membantu menyediakan rancangan, anggaran dan keperluan belanjawan tahunan untuk Perkhidmatan Prostetik dan Ortotik di semua daerah;
9. Membantu mengkaji, merancang dan menguatkuasakan dasar-dasar Perkhidmatan Prostetik dan Ortotik dan memastikan taraf perkhidmatan yang dihulurkan oleh pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya dilaksanakan dengan cekap dan lancar;
10. Bertanggungjawab mengendalikan mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa; dan
11. Jika berkenaan, menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel untuk meningkatkan profesionalisma dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.